



Pertahankan martabat bahasa Melayu

Bahasa pengantar institusi pendidikan baik di peringkat sekolah, mahupun pengajian tinggi

Kedudukan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar ilmu diwartakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Seksyen 17(1) akta itu menyebut, "Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan bawah Seksyen 28 atau institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini."

Pengecualian penggunaan BM dalam institusi pendidikan yang bahasa pengantar utamanya bukan bahasa kebangsaan ini pula disebut bawah Seksyen 17(2). Namun, BM hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib.

Bahasa kebangsaan juga telah menjadi bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran awam serta muafik-muafik rasmi kerajaan. Ia turut digunakan secara rasmi oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri.

Mengulas usaha memartabatkan BM, Prof Ujung dan Pengasas Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Anni Baharudin berkata, dalam isu bahasa ini, apa yang diadangkan pihaknya, pertama adalah mengenai pemantauan di jabatan-jabatan kerajaan.

"Kedua, perlu ada indeks. Jadi orang dapat pegang (atau penemuan BM) jika ada pengumpulan data, tapi pengumpulan indeks tidak dilakukan) tak ada bukti.

"Ketiga, bagaimana hendak membina ilmu bahasa Melayu itu? Saya cadangkan, kita banyak fess dalam BM. Bayangkan jika bidang saris, kejutan, perubatan diterbitkan dalam BM. Jika tap-tap 20 universiti kita itu mesti keluarkan PhD dalam BM. Mungkin tak semua boleh diterbitkan, tetapi bukukan, edit supaya diterbitkan.

Ini antara boleh dilakukan," katanya yang merupakan salah seorang panel program Bicara Persada ke-37 bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Kompromi Atau Tidak anjuran Jabatan Canselor, dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (Ama), UKM bertangsong di Kampus Induk UKM, Bangi, minggu lalu.

Tiga lagi ahli panel dalam program dikendalikan moderator yang juga pengacara TV, Syed Munawar Syed Mustar itu ialah Presiden Kolej Universiti Cyberjaya, Prof Datuk Dr Mohamad Abdul Razak, Pengarah Ama UKM, Prof Dr Supyan Hussein dan Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UKM, Arvend Appalasaamy.

Program bicara tersebut turut memperuntukkan su kelonggaran syarat melayakan ilmu BM peringkat SPM untuk dilantik secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan grad UCH1, baru-baru ini.

Shamsul menyifatkan perbincangan itu berkaitan seperti bajuk Bicara Persada kali ini tidak sia-sia kerana dari semasa ke semasa kita perlu sentiasa mengingatkan diri, perkara



Dari kiri: Syed Munawar, Dr Supyan, Shamsul, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali (tiga, kanan), Arvend dan Dr Mohamad.

perling dalam negara ini yang membina jati diri kita, termasuk soal bahasa.

"Saya rasa soal bahasa Melayu akan terus dibincangkan. Dalam forum kali ini pun kita dapat dengar perkongsian audiens, dalam mesyuarat pun masih guna bahasa Inggeris biarpun dalam pejabat kerajaan.

"Jadi kita kena bezakan antara penguasaan dan penggunaan bahasa. Ada orang tak pergi sekolah pun boleh berbahasa Melayu. Tapi penguasaan yang memerlukan keuletan dan ukuran-ukuran lain yang membolehkan kita mengukur penguasaan itu. Jadi isu BM di Malaysia ini ada dua, penguasaan dan penggunaan BM pun jadi soal," katanya.

Tidak bersetuju

Penting untuk penuntut perubatan pada masa ini untuk menguasai BM.

Sementara itu, mengulas isu kelonggaran syarat kelayakan lulus BM, Dekan Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UTM), Prof Dr Mohammed Faizul Rani berkata, BM adalah sangat penting kerana majoriti pesakit khususnya di negara ini menggunakan bahasa berkenaan sama ada di hospital atau klinik kerajaan dan juga swasta.

Malah dan skala satu hingga 10, beliau berpandangan kepimpinan penguasaan BM kalangan penuntut perubatan di IPT, harus terletak di tempat paling tinggi iaitu skala 10.

"Biasanya kuliah kepada penuntut oleh fakulti perubatan maslah di UTM sendiri dijalankan dalam bahasa Inggeris. Ini

disebabkan bahasa Inggeris digunakan secara meluas sebagai bahasa komunikasi di bidang perubatan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

"Bagaimanapun BM tetap digunakan semasa sesi pembelajaran klinik di hospital-hospital atau klinik kerana pesakit menggunakan BM. Perlu kepada pengamal perubatan di Malaysia

untuk menguasai kedua-dua BM dan bahasa Inggeris," katanya kepada Kampus. Beliau turut mengulas mengenai keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) yang melonggarkan syarat kelayakan BM peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pelantikan secara kontrak ke jawatan Pegawai Perubatan Grad UCH1.

Mohammed Faizul juga tidak bersetuju sekiranya KKM melonggarkan syarat kelayakan BM kerana ia adalah bahasa kebangsaan dan bahasa paling meluas digunakan di hospital dan klinik di Malaysia.

"Di UK sebagai contoh, kebolehan untuk menulis, mendengar, bercakap dan membaca dalam bahasa Inggeris adalah suatu kemestian untuk pengamal perubatan di sana. Malah perkara sama adalah wajar kepada BM untuk pengamal perubatan di Malaysia.

Berhubung sepuah

mana kepimpinan penguasaan BM kalangan penuntut perubatan ini, menurutnya kesemua mereka mestilah menguasai BM dan sudut percakapan, penulisan, pendengaran dan pembacaan kerana ia akan membarau dalam mengendahkan pengunaan pesakit di Malaysia apabila mereka beramal.

Tanpa kompromi

Bagi Naib Presiden Perpaduan dan Eko Kampus, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2016/2017, Mohd Johan Mohd Shafwan, 26, berpendapat, menjadi tanggungjawab mana-mana rakyat di setiap negara di dunia ini mengetahui dan boleh menggunakan bahasa kebangsaan tanpa sebarang masalah.

Da yang juga penuntut bidang perubatan berkata, keengganan tidak patut diberikan dengan mana-mana warganegara Malaysia yang ingin menjadi penjawat awam kerana ia sendiri berpegang bahawa setiap penyiwat awam perlu menguasai bahasa kebangsaan.

"Semasa kuliah, memang kebanyakan bahasa digunakan ialah bahasa Inggeris. Tetapi semasa praktik atau bertemu pesakit penggunaan BM sangat penting disebabkan majoriti pesakit tidak lagi berbahasa Inggeris.

"Tapi apa terjadi, ada sebilangan penunsa dan doktor di sini juga agak kekok bila bercakap dengan pesakit menggunakan BM. Akhirnya mereka memerlukan bantuan orang lain untuk menterjemahkan ayat supaya boleh difahami kedua-dua pihak. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana komunikasi terutamanya bidang perubatan akan terjeda," katanya.

Menurutnya, dalam kes terpenoi, masalah timbul mengakibatkan pesakit terpaksa menyalahkan persoalan diajukan doktor kerana tidak memahami apa hendak disampaikan doktor tidak faham BM berkenaan.

Dalam bidang perubatan komunikasi merupakan perkara penting kerana diagnosis sesuatu penyakit bermula daripada pengambilan data sejarah pesakit di mana doktor perlu bertanyakan beberapa soalan berkaitan sebelum sebarang 'siasatan' dibuat.

"Jika komunikasi ini gagal bermakna doktor tidak mendapatkan history sepenuhnya boleh mengakibatkan sesuatu diagnosis tersilap seterusnya rawatan yang dibagi adalah salah.

"Bagi saya, tiap negara patut mempertahankan bahasa kebangsaan masing-masing tidak kira apa jua bidang disebut dan tidak kira di mana jua berada. Bahasa kebangsaan identiti sesuatu negara yang perlu

dipertahankan tanpa ada kompromi atau kelesmayaan kepada mana-mana individu," katanya.



JOHARI